

24 AUG 1997

SAMBUTAN HARI PENGGUNA DIADAKAN PADA 14 NOV INI

KUALA TERENGGANU, 24 Ogos (Bernama) -- Sambutan Hari Pengguna Sedunia 1997 peringkat kebangsaan akan diadakan pada 14 Nov ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Beliau berkata sambutan Hari Pengguna itu yang sepatutnya diadakan pada 29 Ogos ini terpaksa ditunda kerana pada tarikh itu dilangsungkan raptai penuh Hari Kebangsaan ke-40 di Kuala Lumpur.

"Tempatnya belum dapat dipastikan dan jika sambutan yang menggalakkan ia akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra manakala tempat asal sambutan itu adalah di Pusat Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Pengguna Sedunia peringkat negeri Terengganu di sini hari ini.

Megat Junid berkata pada tahun ini temanya ialah "Berhati-hati Membeli-belah" yang menumpukan kepada barangan yang perlu sahaja dibeli oleh pengguna.

Beliau berkata sambutan Hari Pengguna itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

SBS AKD